NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI ORKIM

(Versi: November 2026)

1. Notis Perlindungan Data Peribadi ini ("**Notis**") diterbitkan oleh **ORKIM** untuk memaklumkan kepada para pelanggan, pembekal, rakan perniagaan, kontraktor, penyedia perkhidmatan, pemohon pekerjaan, pemegang saham dan pelabur, serta pelawat laman web kami mengenai cara kami mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan melindungi data peribadi anda, selaras dengan **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709)** ("**Akta**").

2. Terma & Definisi

TERMA	**DEFINISI**
ORKIM	Merujuk kepada ORKIM Berhad dan anak-anak syarikatnya dari semasa ke semasa, mengikut maksud seksyen 4 Akta Syarikat 2016.
Data Peribadi	Segala maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan seorang individu yang boleh dikenal pasti dan diproses atau bertujuan untuk diproses sebagai sebahagian daripada transaksi komersial. Ini termasuk Data Peribadi Sensitif serta sebarang pandangan atau pendapat mengenai individu tersebut, tetapi tidak termasuk data yang diproses semata-mata bagi tujuan pelaporan kredit di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010.
Pemprosesan	Merujuk kepada sebarang operasi atau siri operasi yang dilakukan ke atas Data Peribadi, sama ada secara automatik atau sebaliknya. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumpulan, perekodan, pengorganisasian, penstrukturan, penyimpanan, penyesuaian, pengubahan, pengambilan semula, rujukan, penggunaan, pendedahan melalui penghantaran, penyebaran atau penyediaan dengan apa cara sekalipun, penyelarasan, penggabungan, sekatan, pemadaman, atau pemusnahan Data Peribadi.
Pengawal Data	Individu atau organisasi yang menentukan tujuan dan cara pemprosesan Data Peribadi.
Subjek Data	Individu yang berkaitan dengan Data Peribadi tersebut.
Pemproses Data	Entiti yang memproses Data Peribadi bagi pihak Pengawal Data, tetapi tidak memprosesnya untuk tujuan mereka sendiri.
Pegawai Perlindungan Data	Pegawai Perlindungan Data atau mana-mana kakitangan lain yang dilantik oleh ORKIM yang diberi tanggungjawab memastikan pematuhan ORKIM terhadap Akta.
Pemindahan Data Merentas Sempadan	Pemindahan Data Peribadi ke mana-mana tempat di luar Malaysia.
Data Peribadi Sensitif	Segala Data Peribadi yang berkaitan dengan maklumat peribadi mengenai kesihatan fizikal atau mental seseorang individu, data biometrik, pandangan politik, kepercayaan agama, perlakuan atau dakwaan perlakuan apa-apa kesalahan, atau kategori lain yang

	ditetapkan oleh undang-undang.

3. Pengumpulan Data Peribadi

a) Dalam urusan anda dengan ORKIM, kami mungkin mengumpul dan memproses maklumat peribadi anda. Ini boleh berlaku apabila anda menghubungi kami, berinteraksi dengan kami, menggunakan perkhidmatan kami, membekalkan barangan atau perkhidmatan kepada kami, memohon pekerjaan, atau melaksanakan kerja dengan atau bagi pihak kami. Kami hanya mengumpul maklumat yang diperlukan untuk mengurus operasi perniagaan kami dan memenuhi kewajipan kontrak serta undang-undang kami kepada anda.

b) Semua Data Peribadi akan diproses mengikut prinsip yang digariskan dalam Akta, termasuk prinsip notis dan pilihan, pendedahan, keselamatan, penyimpanan, akses, serta integriti data. Dengan mengemukakan Data Peribadi anda kepada kami, mendapatkan perkhidmatan kami, atau memasuki hubungan perniagaan dengan kami, anda memberikan persetujuan terhadap pengumpulan, penggunaan, pemprosesan, dan penyimpanan Data Peribadi anda bagi tujuan dan cara yang dihuraikan dalam Notis ini. Sekiranya kami perlu memproses Data Peribadi Sensitif anda, kami akan mendapatkan persetujuan nyata anda secara berasingan.

c) Bergantung kepada urusan anda dengan kami, Data Peribadi yang kami kumpul mungkin termasuk:

- Nama, nombor pengenalan, nombor pasport
- Maklumat perhubungan (alamat, emel, nombor telefon)
- Jantina dan tarikh lahir
- Sejarah pekerjaan, butiran pendidikan dan sijil profesional (bagi pemohon pekerjaan)
- Maklumat kewangan (butiran akaun bank bagi tujuan pembayaran)
- Butiran hubungan kecemasan, serta maklumat kesihatan dan keselamatan yang diperlukan untuk akses ke premis, kemudahan atau kapal kami (jika berkaitan)
- Maklumat pegangan saham yang anda berikan kepada kami (bagi pemegang saham dan pelabur) Data penggunaan laman web, seperti alamat IP, jenis pelayar, halaman yang dilawati dan data kuki (bagi pelawat laman web)
- Rekod surat-menyurat dan komunikasi anda dengan kami

4. Tujuan Kami Mengumpul Data Peribadi Anda

a) Kami mengumpul dan memproses Data Peribadi anda bagi tujuan berikut:

- Menjawab pertanyaan, permintaan dan aduan anda;
- Pentadbiran dan pengurusan perkhidmatan, kontrak, dan transaksi komersial;
- Berkomunikasi dengan anda berhubung operasi, perkhidmatan, peluang pekerjaan atau urusan perniagaan kami;
- Menilai permohonan pekerjaan dan merekrut kakitangan serta anak kapal;
- Memproses transaksi pembayaran;
- Memproses pendaftaran pembekal, permohonan vendor dan dokumentasi berkaitan;
- Menjalankan usaha wajar (due diligence), semakan kenali pelanggan anda (KYC), serta saringan anti-pengubahan wang haram, anti-rasuah dan sekatan ke atas vendor, pelanggan dan rakan perniagaan;
- Menjamin keselamatan, perlindungan dan kawalan akses di premis dan kemudahan kami;
- Mematuhi undang-undang, peraturan dan keperluan statutori yang berkenaan;
- Menjalankan tinjauan kepuasan pelanggan;
- Menjalankan audit, siasatan atau penilaian risiko;
- Berkomunikasi dengan pemegang saham dan pelabur, mengadakan mesyuarat agung dan memenuhi kewajipan kami sebagai syarikat tersenarai;
- Mengendalikan, melindungi dan menambah baik laman web kami;
- Melaksanakan aktiviti korporat, seperti penggabungan, pengambilalihan, pembiayaan atau penstrukturan semula;
- Memaklumkan anda mengenai perkara operasi penting, perubahan dasar, keperluan pematuhan, atau maklumat yang berkaitan dengan hubungan perniagaan kami.

b) Kami hanya akan menggunakan Data Peribadi anda untuk tujuan yang sah dan selaras dengan prinsip yang digariskan dalam Akta.

5. Cara Kami Mengumpul Data Anda

Kami mengumpul Data Peribadi anda secara terus daripada anda dan daripada sumber-sumber berikut:

a) Borang permohonan, kontrak, perjanjian, tender, dan dokumen lain yang dikemukakan kepada kami;

b) Komunikasi melalui emel, panggilan telefon, surat-menyurat atau mana-mana saluran lain;

c) Interaksi melalui laman web kami, platform digital atau media sosial, atau di sebarang acara atau aktiviti;

d) Kad perniagaan atau maklumat perhubungan yang anda berikan kepada pekerja kami;

e) Majikan anda atau syarikat yang anda wakili, agensi pengambilan pekerja dan agensi penyediaan anak kapal;

f) Pendaftar saham kami dan Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd (bagi pemegang saham);

g) Sumber yang tersedia secara umum, seperti daftar syarikat, pengumuman Bursa Malaysia dan senarai sekatan;

h) Kuki dan alat analitik di laman web kami;

i) Rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) di premis, kemudahan dan kapal kami;

j) Rujukan pihak ketiga atau semakan latar belakang seperti agensi pelaporan kredit, tertakluk kepada persetujuan anda terlebih dahulu.

6. Akibat Jika Tidak Memberikan Data Anda

Pemberian sesetengah Data Peribadi adalah perlu untuk kami melaksanakan operasi perniagaan dan mematuhi keperluan undang-undang serta peraturan. Jika anda memilih untuk tidak memberikan Data Peribadi yang diperlukan, ia mungkin:

a) Menghalang kami daripada memproses permohonan pekerjaan, pendaftaran vendor, atau permintaan lain yang berkaitan dengan perniagaan;

b) Menjejaskan keupayaan kami untuk memenuhi kewajipan kontrak atau undang-undang, atau menyediakan perkhidmatan kepada anda;

c) Mengehadkan akses ke premis, kemudahan, tapak projek atau perkhidmatan kami kerana keperluan keselamatan atau pengawalseliaan.

7. Pendedahan Data Peribadi Anda

Kami merahsiakan Data Peribadi anda dan melindunginya selaras dengan Akta. Kami hanya berkongsi Data Peribadi anda berdasarkan prinsip “perlu tahu”, bagi tujuan yang dinyatakan dalam Notis ini, dengan kelas pihak ketiga berikut:

a) **Pihak Berkuasa Kerajaan dan Pengawal Selia –** seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Laut Malaysia, pihak berkuasa pelabuhan, negara bendera (flag state) dan imigresen, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), atau agensi penguatkuasaan lain, apabila pendedahan dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang.

b) **Penyedia Perkhidmatan dan Kontraktor yang Dilantik** – termasuk penyedia IT, pengehosan awan dan analitik laman web, agensi pengambilan pekerja dan ejen penyediaan anak kapal, penyedia perkhidmatan saringan, syarikat insurans dan P&I Clubs, penyedia latihan, juruaudit, atau perunding yang bertindak bagi pihak kami di bawah kewajipan kontrak.

c) **Rakan Kongsi Perniagaan dan Pelanggan** – termasuk penyewa kapal (charterer) dan badan pemeriksaan kapal (vetting), berhubung usaha sama, projek kolaboratif, pemeriksaan kapal atau hasil kontrak (tertakluk kepada perjanjian kerahsiaan atau pemprosesan data).

d) **Pendaftar Saham dan Pihak Berkuasa Pasaran Modal** – pendaftar saham kami, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, berhubung pemegang saham dan pelabur.

e) **Penasihat Undang-undang dan Profesional** – termasuk firma guaman, perunding risiko, serta juruaudit luar yang dilantik untuk membantu siasatan, penyelesaian pertikaian, atau semakan pematuhan.

f) **Bank dan Institusi Kewangan** – bagi pemprosesan tuntutan dan transaksi pembayaran.

g) **Jabatan Dalaman atau Anak Syarikat dalam Kumpulan ORKIM** – semata-mata untuk tujuan operasi, pentadbiran dan pematuhan yang selaras dengan tujuan asal pengumpulan.

h) **Pasukan Kecemasan atau Penyedia Perkhidmatan Kesihatan** – apabila perlu untuk melindungi nyawa, kesihatan atau keselamatan.

i) **Bakal Pembeli, Pelabur atau Pembiaya** – berhubung penggabungan, pengambilalihan, pembiayaan atau penstrukturan semula, tertakluk kepada kewajipan kerahsiaan.

j) **Pihak Ketiga dengan Persetujuan Nyata Anda** – apabila anda telah dimaklumkan dan bersetuju dengan pendedahan tersebut.

8. Perlindungan & Keselamatan Data

Kami mengambil langkah teknikal, fizikal dan pentadbiran yang praktikal untuk melindungi Data

Peribadi anda daripada capaian tanpa kebenaran, kehilangan, penyalahgunaan, pengubahan atau pemusnahan. Akses kepada Data Peribadi adalah terhad dengan ketat kepada kakitangan yang diberi kuasa sahaja bagi tujuan perniagaan yang sah.

9. Penyimpanan Data

a) ORKIM akan menyimpan Data Peribadi anda selama mana perlu untuk memenuhi tujuan ia dikumpul atau sebagaimana dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang. Setelah Data Peribadi anda tidak lagi diperlukan, ia akan dilupuskan, dipadam atau dianonimkan dengan selamat mengikut dasar penyimpanan dan pelupusan data dalaman kami.

b) Tempoh penyimpanan mungkin berbeza bergantung kepada jenis Data Peribadi dan tujuan pengumpulannya, termasuk keperluan undang-undang, pengawalseliaan, operasi atau audit.

c) Data Peribadi dalam permohonan pekerjaan akan disimpan sehingga proses pengambilan pekerja selesai. Sekiranya anda bersetuju, kami mungkin menyimpan permohonan anda selama 12 bulan untuk mempertimbangkan anda bagi kekosongan jawatan lain yang sesuai, dan selepas itu ia akan dipadam dengan selamat.

10. Kuki

Laman web kami menggunakan kuki untuk berfungsi dengan betul, mengingati pilihan anda dan membantu kami memahami cara pelawat menggunakannya, termasuk melalui alat analitik. Anda boleh menyekat atau memadam kuki melalui tetapan pelayar anda, walaupun sesetengah bahagian laman web kami mungkin tidak berfungsi dengan betul jika anda berbuat demikian.

11. Pemindahan Data Merentas Sempadan

Dalam operasi kami, mungkin perlu untuk ORKIM memindahkan Data Peribadi anda ke lokasi di luar Malaysia, termasuk kepada anak syarikat, sekutu, pembekal, kontraktor, penyedia perkhidmatan atau rakan perniagaan kami yang beroperasi di bidang kuasa lain. Ini termasuk penggunaan penyedia perkhidmatan, seperti penyedia pengehosan awan, yang pelayannya terletak di luar Malaysia.

Apabila Data Peribadi anda dipindahkan ke luar Malaysia, ORKIM akan memastikan langkah perlindungan yang sewajarnya dilaksanakan bagi melindungi Data Peribadi anda selaras dengan Notis ini dan Akta. Kami hanya akan memindahkan Data Peribadi anda ke tempat di luar Malaysia yang mempunyai undang-undang berkuat kuasa yang sebahagian besarnya serupa dengan Akta, atau yang memastikan tahap perlindungan yang memadai sekurang-kurangnya setara dengan perlindungan yang diberikan oleh Akta, atau apabila pengecualian lain di bawah seksyen 129 Akta terpakai, seperti persetujuan anda atau pelaksanaan kontrak dengan anda.

12. Hak Anda

Sebagai Subjek Data, anda mempunyai hak berikut di bawah Akta:

- **Hak Akses**: Anda boleh memohon akses kepada Data Peribadi anda yang disimpan oleh

ORKIM untuk memahami bagaimana ia diproses dan digunakan.

- **Hak Pembetulan**: Anda boleh memohon pembetulan atau pengemaskinian terhadap mana-mana Data Peribadi yang tidak tepat, tidak dikemas kini, tidak lengkap atau mengelirukan.

- **Hak Menarik Balik Persetujuan**: Anda boleh menarik balik persetujuan terhadap pemprosesan Data Peribadi anda. Namun demikian, ini mungkin menjejaskan keupayaan kami untuk terus menyediakan perkhidmatan tertentu atau memenuhi kewajipan kontrak, tertakluk kepada kekangan undang-undang atau operasi.

- **Hak Mengehadkan Pemprosesan**: Anda boleh meminta untuk menghadkan atau menyekat cara Data Peribadi anda digunakan, khususnya bagi tujuan tidak penting seperti pemasaran langsung. Anda boleh meminta kami mengehadkan pemprosesan Data Peribadi anda, termasuk Data Peribadi yang berkaitan dengan orang lain yang boleh dikenal pasti daripadanya, dengan menulis kepada Pegawai Perlindungan Data atau menggunakan pautan berhenti melanggan dalam emel kami.

- **Hak Kebolehpindahan Data**: Anda boleh meminta kami memindahkan Data Peribadi anda kepada Pengawal Data lain, sekiranya ini boleh dilaksanakan secara teknikal dan format data adalah serasi, tertakluk kepada pengesahan dan keperluan undang-undang.

Untuk melaksanakan mana-mana hak ini, atau bagi sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan Data Peribadi, sila ajukan secara bertulis kepada:

Pegawai Perlindungan Data
ORKIM BERHAD
Level 15, Menara TSR No.12, Jalan PJU 7/3 Mutiara Damansara 47810, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Email: dpo@orkimship.com

Kami akan menjawab permintaan anda dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh penerimaannya, sebagaimana dikehendaki oleh Akta. Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan jawapan kami, anda boleh membuat aduan kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.

13. Pemberitahuan & Laporan Pelanggaran Data

Sekiranya dikehendaki oleh Akta, ORKIM akan memaklumkan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi dan individu yang terjejas mengenai pelanggaran Data Peribadi.

14. Kemas Kini Notis Perlindungan Data Peribadi

Kami mungkin menyemak semula atau mengemas kini notis ini dari semasa ke semasa untuk mencerminkan perubahan dalam amalan dan dasar kami, keperluan undang-undang atau

keperluan operasi. Versi terkini akan tersedia di laman web kami atau atas permintaan.

15. Bahasa

Notis ini diterbitkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat percanggahan di antara kedua-dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.